

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA BHARU
KELANTAN

OLEH
GHIAZALI BIN ZAKARIA
SARJANA MUDA SAINS
POLISI AWAM DAN SERTARAN

PUSAT PENGETAHUAN DAN PENGETAHUAN
LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PEGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2002

1100032995


5 Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 12 FPE 1 2002



1100032995

Laporan akhir latihan industri Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu Kelantan / Ghazali Zakaria.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100032995

1100032995

Lihat sebelah

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA BHARU
KELANTAN**

OLEH

**GHAZALI B. ZAKARIA
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam Dan Sekitaran)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTAN ABDUL SAMAD

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2002

1100032995

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyempurnakan latihan industri saya di Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu, Kelantan. Dengan berbesar hati saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak institut khususnya kepada En. Azmi B. Saad, selaku Pengarah di institut ini kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan industri di sini, sekaligus melengkapkan silibus pengajian. Dengan peluang dan kepercayaan yang telah diberikan membolehkan saya dan rakan yang lain menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga pengalaman. Segala apa yang saya yang perolehi di institut ini amatlah berguna tertamanya meningkatkan lagi kefahaman saya berkaitan dengan teori-teori yang dipelajari di universiti.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Hj. Abdullah B. Awang Hamat selaku penyelia di institut ini yang telah banyak membantu saya dan rakan-rakan yang lain. Dengan bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan membolehkan saya menjalani latihan industri dengan jayanya. Sesungguhnya, saya rasa sangat bertuah kerana mendapat penyelia seperti Tuan Hj. Abdullah yang sememangnya perihatin dan profesional dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada penyelia KUSTEM iaitu Dr. Fadzli B. Hj. Adam, penyelaras program iaitu Dr. Wan Ibrahim B. Wan Ahmad dan kakitangan Institut Latihan Perindustrian tersebut serta Ahli Jawatankuasa latihan industri serta kakitangan Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Sesungguhnya, anda telah melakukan yang terbaik untuk kami semua.

Terima kasih.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

PRAKATA

Latihan industri diadakan adalah untuk memperolehi pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang diambil. Selain itu, latihan industri dijalankan juga adalah untuk memenuhi syarat-syarat bergraduat dalam kursus atau pengajian yang diambil iaitu Sarjana Muda Sains Polisi Awam Dan Sekitaran. Ini adalah kerana latihan industri adalah wajib dijalankan oleh para pelajar yang mengambil kursus ini.

Latihan industri diadakan juga bertujuan untuk mengaplikasikan teori, prinsip, teknik, kaedah penilaian dan pemantauan yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Melalui latihan industri pembelajaran teori di bilik kuliah akan dapat diaplikasikan di alam pekerjaan yang sebenar terutama yang berkaitan dengan pembuatan keputusan tentang penggubalan dan pengimplementasian polisi awam yang berkaitan dengan sekitaran. Selain itu juga, latihan industri juga dijalankan adalah untuk menjalankan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang yang diceburi. Di mana melalui latihan industri secara tidak langsung hubungan dengan alam profesional dapat diwujudkan dan boleh dikekalkan apabila tamat pengajian nanti.

Latihan industri juga dijalankan adalah untuk memahami nilai etika profesional yang sebenar apabila menempuh alam pekerjaan yang sebenar nanti. Melalui latihan industri pelatih akan dapat memahami nilai etika profesional sebelum tamat pengajian dan pengalaman ini akan dapat memudahkan pelatih untuk memahami etika profesional dengan lebih mendalam apabila tamat pengajian nanti. Selain itu juga, latihan industri dapat memberi peluang kepada pelatih untuk menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya supaya mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian nanti. Ini penting supaya apabila tamat pengajian nanti sudah ada sesbuah organisasi atau syarikat akan cuba mengambil pelatih untuk bekerja dengan mereka.

Selain itu, latihan industri juga adalah untuk melahirkan para pentadbir dan pengurus polisi awam yang lebih bertimbang rasa, berpandangan jauh, cermat dalam pembuatan dan perlaksanaan sesuatu polisi awam khususnya yang melibatkan sekitaran serta bersifat mesra alam.

Dengan ini, jelaslah bahawa latihan industri yang dijalankan memang penting bagi menimba pengalaman dalam alam pekerjaan yang sebenar nanti disamping dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di bilik kuliah dapat diaplikasikan dalam alam pekerjaan yang sebenar.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
PRAKATA	iii
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
 BAB1: LATAR BELAKANG ORGANISASI ATAU SYARIKAT	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pendekatan Yang Diambil Untuk Memajukan Organisasi	3
1.3. Maklumat Organisasi	4
1.3.1. Objektif Organisasi	4
1.3.2. Kemudahan-Kemudahan Yang Disediakan	5
1.3.3. Kursus Yang Ditawarkan	8
1.3.4. Kursus Separuh Masa	17
1.3.5. Majlis Perwakilan Pelajar	19
1.4. Carta Organisasi	20
1.5. Kemahiran Yang Dipelajari	26

BAB 2: AKTIVITI ORGANISASI DAN KEGIATAN KO-KURIKULUM

2.1. Tugas Dan Tanggungjawab Bahagian Pengurusan	28
2.1.1. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan	28
2.1.2. Bahagian Pembangunan Kemahiran	29
2.1.3. Bahagian Kawalan Teknikal	30
2.1.4. Bahagian Pengurusan Latihan	31
2.2. Kegiatan Ko-kurikulum	32
2.2.1. Kelab Sukan Dan Kebajikan Kakitangan	32
2.2.2. Jabatan Petahanan Awam (JPA3)	35
2.2.3. Persatuan Bulan Sabit Merah (VAD 13)	36
2.2.4. Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD)	37
2.2.5. Pasukan Kadet Bomba Dan Penyelamat Malaysia	38

BAB 3: MENGENAL PASTI MASALAH DAN CADANGAN**PENYELESAIAN**

3.1. Pengenalan	40
3.2. Mengesan Sistem Sedia Ada	40
3.2.1. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan	41
3.2.2. Bahagian Pembangunan Kemahiran	42
3.2.3. Bahagian Pengurusan Latihan	44
3.2.4. Bahagian Kawalan Teknikal	46
3.3. Analisis Masalah Dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	48
3.4. Cadangan Penyelesaian Masalah.	51
3.4.1. Langkah Mengatasi	51
3.5. Perlaksanaan Cadangan	54
3.6. Implikasi Cadangan	55

BAB 4: KESIMPULAN

4.1. Ringkasan Dan Penutup

57

SENARAI RUJUKAN LAMPIRAN

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1: Senarai Kakitangan Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu, Kelantan	20

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHRAH

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

Rajah 1: Carta Organisasi ILPKB

25

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHRAH

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini ditulis dengan objektif untuk mengetahui masalah-masalah yang berlaku di tempat Latihan Industri, mempelajari atau memperolehi pengalaman dalam alam pekerjaan sebenar dan untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari secara teori dalam bilik kuliah untuk diaplikasikan ke dalam praktikal yang sebenar. Ia juga bertujuan untuk memberi memberi beberapa cadangan untuk mengatasi beberapa masalah yang berlaku di tempat Latihan Industri atau organisasi yang ditempatkan untuk menjalankan latihan praktikal. Laporan ini juga diharapkan menjadi panduan kepada organisasi yang terlibat dengan latihan praktikal pelajar untuk membangunkan atau memantapkan organisasi mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam organisasi mereka.

Laporan ini mengandungi beberapa bab yang penting. Di mana bab yang pertama menerangkan latar belakang organisasi atau syarikat yang merangkumi sejarah ringkas organisasi, pemilikan, pendekatan untuk memajukan organisasi tersebut dan sebagainya. Dalam bab ini juga merangkumi maklumat organisasi seperti carta organisasi dan yang paling penting sekali ialah kemahiran yang dipelajari oleh pelajar atau matlamat yang ingin dicapai semasa membuat Latihan Industri atau praktikal.. Dalam bab dua pula memperjelaskan mengenai aktiviti organisasi yang merangkumi semua bahagian seperti Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,

Bahagian Pembangunan Kemahiran dan sebagainya. Selain itu dalam bab ini juga menerangkan mengenai kegiatan ko-kurikulum yang terdapat di ILPKB. Dalam bab tiga pula, perkara yang penting ialah mengenalpasti masalah-masalah dan cadangan penyelesaian masalah-masalah tersebut. Ianya merangkumi sistem sedia ada, mengenal pasti masalah yang berlaku dalam organisasi yang terbabit. Selain itu, dalam bab ini juga ada menyatakan analisis masalah dan perbincangan keseluruhan masalah yang wujud merangkumi cadangan penyelesaian masalah dan perlaksanaan cadangan serta implikasi yang berlaku hasil daripada perlaksanaan tersebut. Manakala bab yang terakhir adalah bab empat yang menerangkan tentang ringkasan keseluruhan tentang laporan yang dibuat.

Oleh itu, penemuan beberapa masalah yang berlaku dalam organisasi terbabit dan cadangan penyelesaian yang telah diambil diharapkan menjadi panduan kepada pihak organisasi tersebut untuk meningkatkan perkhidmatan atau pencapaian organisasi mereka agar sentiasa teguh sepanjang masa. Akhir sekali, penerangan dalam laporan ini akan dapat menjadi panduan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dan diharapkan penerangan ini tidak akan mengecewakan mana-mana pihak yang terlibat.